

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, July 8, 2019 1:27 PM
To: UUM - All Staff
Subject: IPQ In-House Training: Bengkel Pengenalan KIK Dan Teknik Penyelesaian Masalah Secara Sistematis



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

08 JULAI 2019 / 05 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Institut Pengurusan Kualiti

**IPQ IN-HOUSE TRAINING : BENGKEL PENGENALAN KIK DAN TEKNIK
PENYELESAIAN MASALAH SECARA SISTEMATIK**



UUM ONLINE: Seramai 39 staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) terdiri daripada kumpulan sokongan dan profesional telah menyertai Bengkel Pengenalan dan Teknik Penyelesaian Masalah Secara Sistematis anjuran Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) bertempat di Dewan Budi Siswa, Pusat Budaya dan Seni baru-baru ini.

Bengkel yang dikendalikan oleh pakar perunding dari IPQ, Dr Rosman Iteng bertujuan memantapkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JHEP.

Sepanjang bengkel ini dijalankan, kaedah penyelesaian masalah secara sistematik telah diperkenalkan kepada peserta iaitu teknik penyelesaian masalah menurut kitaran PDCA seperti mengkaji masalah, menentukan sasaran yang hendak dicapai, mengenalpasti punca masalah dan menentukan pelan tindakan yang inovatif dan kreatif.

Peserta telah didedahkan dengan pelbagai alat kualiti untuk penyelesaian masalah secara sistematik dan kreatif.

Antaranya ialah analisa afiniti (percambahan fikiran mengikut kaedah 8-16-10), analisa pareto, 5W1H, SMART, analisa Tulang Ikan, 5-WHY, gambarajah hubungan-kait, analisa punca sebenar, gambarajah pokok, PDPC dan Matrix Keutamaan.

Sepanjang dua hari bengkel tersebut, setiap kumpulan telah berjaya mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi dan mengaplikasikan kesemua alatan tersebut bagi membentuk satu pelan tindakan yang perlu dilaksanakan.

Bengkel itu juga membantu peserta dalam memantapkan serta menambahbaik projek KIK dengan menggunakan beberapa kaedah yang terdapat dalam KIK.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali turut meluangkan masa meninjau perjalanan bengkel berkenaan dan berinteraksi bersama peserta dalam mengenalpasti masalah-masalah yang terdapat di bawah tanggungjawab JHEP.

Salah seorang peserta bengkel, Siti Nadia Mohd Nasir yang juga Pengurus Asrama berkata bengkel berkenaan memberi pemahaman untuk menjalankan projek KIK bukan sahaja dari segi teori malahan praktikal menerusi pembentangan dan pendekatan yang disampaikan oleh Dr Rosman pada setiap kumpulan.

Sementara itu Pengarah JHEP, Dr. Massudi Mahmuddin pada majlis penutup bengkel itu berkata perkongsian ilmu sepanjang dua hari penganjuran bengkel berkenaan diharap dapat membantu JHEP menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Bengkel diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan dan cenderamata kepada peserta.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.